

Sungai kurang oksigen punca ikan mati

» *Pertembungan aliran air masin, tawar turut jadi faktor: Pensyarah*

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@bh.com.my

■ Melaka

Kekurangan oksigen terlarut yang berlaku di Sungai Melaka sehingga menyebabkan beribu-ribu ikan mati dalam dua kejadian sebelum ini berpunca daripada dua kemungkinan.

Pensyarah di Pusat Pengajian Sungai, Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Md Pauzi Abdullah, berkata faktor pertama ialah pertembungan air laut dan sungai yang sekali gus menyebabkan paras oksigen terlarut dalam sungai itu berkurangan.

"Faktor kemungkinan kedua pula adalah disebabkan air sungai yang tidak bergerak, sehingga kadar oksigen berkurangan menyebabkan ikan mati," katanya kepada BH di sini, semalam.

Selepas kali pertama berlaku pada 22 April tahun lalu berhampiran Taman Rempah, kejadian sama berulang pada akhir Disember lalu, sekali gus mem-



“**Faktor kemungkinan kedua pula adalah disebabkan air sungai yang tidak bergerak, sehingga kadar oksigen berkurangan menyebabkan ikan mati**”

Md Pauzi Abdullah,
Pensyarah di Pusat
Pengajian Sungai, Sains
Kimia dan Teknologi
Makanan, UKM

bingungkan penduduk di Taman Rumpun Bahagia, Bachang, Batu Berendam yang menetap berhampiran sungai berkenaan.

Ribuan bangkai ikan pelbagai

spesies timbul di permukaan air di dua lokasi di Sungai Melaka, di sini.

BH sebelum ini melaporkan kebimbangan penduduk di kawasan berkenaan apabila mendapati ribuan ikan, termasuk spesies talapia mati secara tiba-tiba di Sungai Melaka.

Pelbagai spesies ikan mati

Selain terpaksa menghidu bau busuk akibat ribuan bangkai ikan pelbagai spesies yang timbul dan mati di permukaan sungai itu, penduduk turut mendakwa kemungkinan berlaku tumpahan sisa toksik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tinjauan ke Sungai Melaka berhampiran Melaka Sentral baru-baru ini, mendapati tiada tanda kematian ikan di sungai berkenaan. Bagaimanapun apa yang mendukacitakan terdapat banyak sisa sampah sarap di pinggir bawah jambatan sehingga menjejaskan keindahan sungai yang menjadi tarikan pelancongan itu.

Pengarah Alam Sekitar negeri, Shafe'ee Yasin, berkata pihaknya sebelum ini sudah menjalankan kajian berhubung masalah kematian mengejut beribu-ribu ikan di sungai itu.

Tiada pembuangan sisa industri

"Namun, tiada sebarang unsur pembuangan sisa industri dikesan berlaku di Sungai Melaka.

Penduduk gempar ribuan ikan mati di Sungai Melaka

Melaka: Penduduk Taman Rumpun Bahagia, Bachang, Batu Berendam, gempar apabila mendapati ribuan bangkai ikan pelbagai spesies timbul di permukaan air Sungai Melaka di sini, sejak pagi kelmarin hingga pagi semalam.

Kejadian kedua pada jam 6.30 petang apabila penduduk terkejut dengan bau busuk, sebegini banyak bangkai ikan yang timbul. Tinjauan BH mendapati ribuan bangkai ikan termasuk spesies talapia ditemui terapung, selain turut kelihatan kompos dipercayai banyak di permukaan sungai itu.

Penduduk Andai Ramin, Bachang, 61, berkata kejadian itu bukan kali pertama berlaku di sungai berkenaan.

"Kejadian ini kerap juga berlaku dan apabila ada ikan mati, pasti sungai ini banyak hingga me-

lak selesa.

Kejadian dua tokoh
"Saya percaya kejadian berpunca akibat berlaku tumpahan sisa toksik oleh pihak tidak bertanggungjawab, tetapi justeru menduga-duga kepada orang awam khususnya khalayak dan penduduk yang tinggal di sini," katanya yang menetap lebih 30 tahun di kampung itu.

Kejadian berlaku bukan disebabkan pencemaran, sebaliknya sebagai fenomena alam dan dipercayai berpunca akibat kekurangan oksigen dalam air

Kejadian akan dibincang dan keputusan akan diumumkan dengan EXCO Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Darul Ar-Raimi Othman," katanya.

Penduduk, Zainab Alias, 60, mendakwa ikan berkenaan dipercayai mati sejak semesta dan tidak diketahui punca sebenar.

"Kami proby pihak berkaitan menjalankan siasatan kerana ia akan menjelaskan kepada orang ramai sekiranya perkara ini berlaku lagi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JP-S) negeri, Mohamad Badri Abdul Taib, berkata dijangka berlaku, kejadian berlaku bukan disebabkan pencemaran, sebaliknya merupakan fenomena alam dan dipercayai berpunca akibat kekurangan oksigen dalam air.

"Kita akan membezakan bangkai ikan dalam sungai ini seperti mungkin bagi mengesan berlaku pencemaran yang lebih teruk."

Kejadian akan dibincang dan keputusan akan diumumkan dengan EXCO Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Darul Ar-Raimi Othman," katanya.



Selubung bangkai ikan yang berbusuk selepas di sepanjang Sungai Melaka berhampiran Taman Rumpun Bahagia.

Keratan akhbar BH 31 Disember lalu.

"Pihak JAS bagaimanapun tidak menolak pertembungan air masin dan air tawar di pintu air menjadi punca kepada kejadian ikan mati baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Muhamad Norshafiq Shahrudin, 19, berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu sentiasa memantau persekitaran sungai itu bagi mengelak tereser tercemar.

"Kita lihat pembangunan di pinggir sungai sudah cantik, tetapi sayangnya tiada kerja penyelenggaraan."

"Jika dibiarkan dan berterusan dibimbangi boleh menambahkan

lagi kos penyelenggaraan," katanya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), kerajaan negeri membelanjakan RM250 juta untuk kerja pembersihan dan pengindahan sungai berkenaan.

Pengindahan Sungai Melaka sebelum ini mampu menjadikan ia sebagai pusat tarikan pelancong, sekali gus memberi pendapatan kepada negeri dan pengusaha rekreasi.

Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video